

PRAKTIS 5

*Dalam setiap ayat di bawah ini, terdapat **satu** kesalahan bahasa. Gariskan kesalahan bahasa tersebut dan tulis jawapan yang betul pada ruang jawapan yang disediakan. Anda tidak perlu menyalin ayat itu semula.*

- (i) Cik Kemala amat menggemari masakan kari di Pelita Restoran.

- (ii) Encik Ranjit mencantas ranting pokok hiasan di tepi pagar rumahnya dengan menggunakan sebuah gunting.

- (iii) Seluruh rakyat negeri tersebut berdukacita kerana sudah sekian lama sultan sakit dan masih tiada penawar yang mampu mengubati penyakit baginda.

- (iv) Pihak berkuasa berjanji akan menyelesaikan tentang masalah pencemaran air itu dengan segera.

[8 markah]

PRAKTIS 6

*Dalam setiap ayat di bawah ini, terdapat **satu** kesalahan bahasa. Gariskan kesalahan bahasa tersebut dan tulis jawapan yang betul pada ruang jawapan yang disediakan. Anda tidak perlu menyalin ayat itu semula.*

- (i) Dewi sedang menuntut di sekolah ini sepuluh tahun yang lalu.

- (ii) Pembuangan bahan domestik ke dalam sungai adalah penyebab utama berlakunya pencemaran sungai.

- (iii) Kerja memperlebarkan jalan utama yang tertangguh sebelum ini akan dimulakan pada minggu hadapan.

- (iv) Jangan biarkan kanak-kanak bermain air di musim banjir untuk mengelakkan berlakunya perkara yang tidak dingini.

[8 markah]